



ABDULLAH Ahmad Badawi menziarahi Azahari Taib di Lorong Air Putih, Seberang Perak, Alor Star selepas mengadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa Perhubungan UMNO dan BN Negeri Kedah, semalam.

um - 19/4/2004, m/si 2.

Perdana Menteri ziarah pemimpin veteran UMNO

ALOR STAR 18 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang melawat ke Kedah hari ini meluangkan masa menziarah pemimpin veteran UMNO, Tan Sri Azahari Taib, 80, yang mengalami sakit tulang belakang sejak seminggu lalu.

Abdullah berada di rumah Azahari, di Lorong Air Putih, Seberang Perak

di sini kira-kira setengah jam selepas beliau mengadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa Perhubungan UMNO dan BN negeri di Bangunan Tunku di sini.

Azahari merupakan bekas wartawan Utusan Melayu juga rakan seperjuangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Selain itu, beliau juga

memegang jawatan Pengerusi Persatuan Bekas Wakil Rakyat Kedah (Mubarak) dan membantu Barisan Nasional (BN) Kedah sebagai penasihat jentera parti dalam pilihan raya umum lalu.

Turut mengiringi Abdullah ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob.